

## MINTA BANTUAN TENTERA AMERIKA HADAPI ANCAMAN PENCEROBOHAN IRAQ

- ASKAR - ASKAR AMERIKA BOSAN TINGGAL DI PADANG PASIR
- AS MAHU GUNA SATELIT PENGINTIP — MUKA 7

# PM dukacita sikap tergesa2 Arab Saudi

UM 25 AUG 1990

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

UM 25 AUG 1990

## PM DUKACITA SIKAP ARAB SAUDI

Beliau mengingatkan rakyat supaya sentiasa sanggup menghadapi apa jua cabaran demi mempertahankan negara sentiasa aman sejahtera.

Menyentuh mengenai RELA, Perdana Menteri berkata, mereka telah memainkan peranan penting dalam menjaga keselamatan dan keamanan negara.

Anggota - anggota RELA, tegas beliau, mesti mempunyai sifat - sifat ketenteraan seperti berdisiplin kerana pasukan yang tidak berdisiplin tidak akan berjaya malah boleh ditewaskan dengan mudah jika menghadapi ancaman.

Beliau mengingatkan semua pihak bahawa keamanan yang dinikmati di negara ini tidak akan kekal sekiranya ia tidak dijaga dengan baik.

Sebelum ini Dato' Sri Dr. Mahathir diiringi oleh Ketua Pengarah RELA, Encik Ramli Abdul Rahman memeriksa kawalan kehormatan terdiri daripada 99 orang anggota dan dua pegawai

pasukan itu.

Kira - kira 1,500 orang anggota RELA, mewakili 14 negeri menghadiri majlis pelancaran itu yang bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada pihak - pihak berkaitan mengenai strategi baru RELA dalam pembangunan negara.

Antara aktiviti Bulan Bakti RELA ialah pemulihan dan pembinaan rumah orang miskin, gerakan menderma darah dan projek pembinaan kemudahan kesihatan luar bandar seperti tandas curah.

Dalam majlis itu, Perdana Menteri menerima bungkusan pakaian seragam sekolah sumbangan RELA untuk 150 murid miskin di 10 Sekolah Daerah Kubang Pasu yang disampaikan oleh Timbalan Pengarah Pendidikan Negeri, Encik Abdullah Bakri.

**JITRA 24 Ogos — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini melahirkannya rasa dukacita terhadap langkah kerajaan Arab Saudi yang tergesa - gesa meminta bantuan tentera Amerika Syarikat dalam menghadapi ancaman pencerobohan Iraq.**

Perdana Menteri juga menyatakan perasaan sedih kerana kerajaan Arab Saudi tidak terlebih dahulu meminta bantuan tentera dari negara - negara Islam.

"Keadaan ini berlaku kerana Arab Saudi tidak mempunyai angkatan tentera yang kuat. Mereka dalam keadaan terdesak untuk meminta bantuan segera," katanya ketika merasmikan Bulan Bakti Ikatan Relawan Rakyat (RELA) peringkat kebangsaan di Sekolah Menengah Sri Mahawangsa di sini.

Sehubungan dengan itu, Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa kerajaan hanya akan menghantar bantuan tentera ke Arab Saudi sekiranya diminta dan diputuskan oleh Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, sekiranya Kota Mekah dan Madinah terancam, kerajaan akan segera menghantar bantuan tentera ke Arab Saudi.

"Malaysia akan menghantar bantuan segera jika Mekah dan Madinah terancam. Jika tidak, kerajaan hanya akan mematuhi keputusan yang dibuat oleh PBB," ujar beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir menambah, jika PBB mengarahkan Malaysia menghantar bantuan tentera, kerajaan akan memenuhinya seperti yang telah dilaksanakan di Kongo dan semasa gencatan senjata peperangan Iran-Iraq.

Beliau berpendapat, perkembangan sekarang tertumpu di kawasan sempadan Iraq/Kuwait dan Arab Saudi yang jaraknya kira - kira 1,800 kilometer dari Kota Mekah.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sedar terhadap tekanan yang dihadapi oleh kerajaan Arab Saudi yang terpaksa meminta bantuan segera tanpa memilih kerana tidak mampu mempertahankan negaranya sendiri.

Menurutnya, walaupun sesetengah negara itu kaya, ia tidak mempunyai rakyat yang rela berkorban untuk negara.

Perdana Menteri yang dalam rangka lawatan rasmi dua hari ke negeri ini bermula semalam berkata, di sesetengah negara, kerajaannya terpaksa menggunakan tentera upahan untuk menjaga keamanan dan keselamatan negara masing - masing.

Keadaan ini, tegas beliau, tidak menjamin keselamatan negara berkenaan kerana tentera upahan yang terdiri daripada rakyat asing hanya mementingkan wang sahaja.

**LIHAT MUKA 2**